

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan Kerajaan meminda Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) Pindaan 1974 untuk membenarkan Orang Asli memiliki tanah secara peribadi.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) tidak menghalang masyarakat Orang Asli daripada memiliki tanah secara individu atau peribadi. Pemilikan tanah secara individu atau peribadi oleh masyarakat Orang Asli boleh dibuat di Pejabat Tanah melalui permohonan pemberimilikan tanah kerajaan, Seksyen 76, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56).